

**Liow: Sistem Penjagaan Kesihatan Tidak Akan Dilaksanakan Secara Mendadak
Bernama
31 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Forum awam di seluruh negara mengenai kajian sistem penjagaan kesihatan kebangsaan bermula hari ini dengan jaminan sebarang cadangan mengenai perkara itu akan dibincang secara telus dan tidak akan dilaksanakan secara mendadak.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai menggesa orang awam dan pemegang kepentingan lain supaya menggunakan forum itu bagi menyampaikan pandangan masing-masing dengan tujuan menambahbaik sistem itu.

Kementerian ikhlas dan komited dalam menganjurkan forum itu dan segala maklumat awam akan dikumpul dan diteliti secara telus, katanya kepada pemberita selepas menghadiri forum itu di sini.

Menurutnya forum di seluruh negara itu akan diadakan sehingga akhir tahun ini dan pihaknya akan memaklumkan secara berkala mengenai forum awam seterusnya.

Liow menegaskan model insurans kesihatan sosial hanya salah satu daripada model dalam kajian dan ia bukan model yang akan dilaksanakan selain kajian terhadap beberapa model lain termasuk skim simpanan dan hibrid serta percukaian..

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=656159>